

21 JAN 2003

Mahathir-Hariri/I

M'SIA ANTARA EKONOMI PALING CANGGIH DI DUNIA, KATA PM LUBNAN

Oleh: Azman Ujang

BEIRUT, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah daripada ekonomi yang paling canggih di dunia, kata Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri di sini, pada Isnin.

Menganggap Dr Mahathir sebagai pemimpin terkemuka dunia Islam sederhana, beliau berkata Malaysia dan Dr Mahathir secara peribadi "menampilkan Islam yang sebenar".

Semasa bercakap pada sidang berita bersama dengan Dr Mahathir di akhir perbincangan dua hala pada hari pertama lawatan Perdana Menteri ke sini, Hariri berkata:

"Anda pasti menyedari bagaimana umat Islam hari ini ditekan dan kita gembira untuk mempunyai seorang pemimpin seperti Dr Mahathir, yang terkenal di seluruh dunia".

"Beliau seorang pemimpin berwawasan, sederhana, kuat dan telah memimpin negaranya dengan baik dan ini menunjukkan satu contoh kepada umat Islam sederhana apa yang mereka boleh capai dalam memimpin negara masing-masing dan Malaysia merupakan satu daripada negara terkemuka dalam dunia Islam.

Ditanya sama ada beliau akan terasa kehilangan Dr Mahathir yang dijadual berundur pada Oktober ini selepas memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun, beliau menjawab:

"Sudah pasti. Kami ada menyentuh mengenainya, tetapi seperti yang ada tahu ia terpulang kepada rakyat Malaysia dan Perdana Menteri untuk membuat keputusan, tetapi jika kami diminta memberi pendapat, saya akan meminta beliau meneruskan dengan pemerintahannya.

Semasa pertemuan itu Hariri telah memberitahu Dr Mahathir yang pintu terbuka luas bagi beliau untuk datang ke Lubnan sebagai seorang rakan dan pemimpin dunia Islam sederhana.

Beliau berkata Dr Mahathir bukan sahaja pemimpin Malaysia tetapi juga antara sebilangan kecil pemimpin yang membawa negara ke mercu kejayaan selepas pemerintahan selama 22 tahun.

"Jadi kami menjemput kedatangan anda ke sini. Kami rasa bangga kerana anda juga di kalangan kita, rakyat anda dan anda sendiri dipelawa datang ke Lubnan pada bila-bila masa," katanya.

Dr Mahathir memberitahu persidangan media bahawa beliau kagum dengan pembinaan semula Lubnan yang mengalami kemusnahan teruk semasa perang saudara selama 15 tahun yang berakhir pada 1990.

"Saya tidak sabar untuk datang ke sini dan melihat sendiri perubahan yang telah berlaku sejak lawatan terakhir saya lima tahun lepas. Dari kapal terbang saya dapat melihat banyak daripada kerja-kerja pembinaan telah siap dengan bangunan-bangunan tinggi di seluruh bandaraya ini.

"Saya rasa ini pencapaian baik oleh pucuk pimpinan Lubnan khususnya Perdana Menteri Hariri," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga gembira kerana lawatan itu telah membolehkan beliau memperbaharui semangat persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri yang diiringi oleh beberapa ahli perniagaan terkemuka menyatakan keyakinan beliau bahawa ahli-ahli perniagaan dari Malaysia akan membantu menjalin interaksi ekonomi yang lebih luas bersama Lubnan demi manfaat bersama kedua-dua negara.

Malaysia telah menjanjikan pinjaman bernilai RM1.4 bilion bagi pembinaan semula negara itu di Persidangan Paris mengenai Lubnan yang

dihadirinya pada November lepas.

Ditanya mengenai persidangan Paris itu, Dr Mahathir berkata pertemuan itu berhasil dengan negara-negara yang menyertainya bermurah hari dalam membantu Lubnan dalam membina semula ekonominya sementara penyertaan dalam persidangan itu adalah pada peringkat tertinggi.

Persidangan itu dianjurkan oleh Presiden Perancis Jacques Chirac.

"Saya pasti ia sangat berguna bagi Lubnan kerana ia akan membantu mengurangkan kos wang yang diperlukan untuk membina semula negara itu dari sekarang. Pada fikiran saya ia akan mengurangkan hutang anda dan akan mewujudkan kemakmuran bagi Lubnan dan mempercepatkan pertumbuhan.

Persidangan Paris itu berjaya mengutip lebih daripada US\$5 bilion (RM19 bilion). Arab Saudi menawarkan sumbangan terbesar sebanyak US\$700 juta (RM2.6 bilion), Perancis US\$500 juta (RM1.9 bilion) dan Malaysia serta negara-negara Teluk yang lain menyumbangkan sejumlah US\$4 bilion (RM15.2 juta). Baki US\$1 bilion (RM3.8 bilion) dijanjikan oleh negara-negara dalam bentuk bantuan teknikal.

Hariri berkata dalam rundingannya bersama Dr Mahathir, beliau menggalakkan Malaysia menyertai penerokaan gas di Lubnan dan juga dalam penswastan perkhidmatan elektrik dan air.

Beliau juga mahu melihat ahli perniagaan Malaysia melabur dalam sektor telekomunikasi konvensional dan telekomunikasi mudah alih di negara itu.

Ditanya sama ada syarikat-syarikat Malaysia akan diberi konsesi khas apabila melabur di negara itu, Hariri berkata sistem di Lubnan adalah berdasarkan tender terbuka tetapi beliau yakin syarikat-syarikat Malaysia akan dilayan sebagai "rakan".

"Syarikat-syarikat Malaysia, Saya pasti, menawarkan harga kompetitif. Kos pembinaan di Malaysia, pada pengetahuan saya, adalah kompetitif berbanding di banyak tempat lain di dunia, jadi kita galakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk turut serta dalam membangunkan Lubnan.

Untuk ini, Dr Mahathir berkata beliau berpendapat Lubnan telah menjadi sebuah negara yang stabil sekarang ini.

"Sudah pasti, apabila perang berlaku di sini, tidak terlintas dalam fikiran kami yang keadaan akan pulih tetapi apabila saya datang ke sini lima tahun lepas, anda sudahpun mula membina semula Lubnan and sejak itu ia stabil.

"Kini saya berada di sini semula, saya berpendapat anda dapat mengekalkan kestabilan dan oleh itu sudah pasti mampu menarik pelabur dan penyertaan asing dalam pembangunan ekonomi anda.

Berbalik kepada rakan sejawatannya di Lubnan, Dr Mahathir berkata wujud persefahaman baik antara mereka selama ini.

"Saya anggap Perdana Menteri Hariri sebagai rakan baik selain sebagai pemimpin Lubnan.

"Kami berbincang mengenai persahabatan dan bagaimana boleh meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara dalam bidang perdagangan dan ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

AU AZZ PR